



# BERBALAHAN SUAMI MELAKU DIAN PENYESATANNYA

DR.  
HJ.  
MAHABIR

## Isi Isi Kandungannya:-

## Muka Surat

|      |  |     |
|------|--|-----|
| Bab  | I. Menuju Rumah tangga Bahagia   |     |
|      | A. Suami Cuntuh/ Teladan   | 11  |
|      | B. Teladan Rasulullah Dalam Kehidupan Rumah tangga                       | 16  |
|      | C. Isteri Teladan  | 24  |
|      | D. Rumah tangga Teladan  | 34  |
|      | E. Kajian Ilmiah Tentang Kehidupan Rumah tangga                          | 39  |
| Bab  | II. Jalan Untuk Menghindari Timbulnya Problem Rumah tangga               |     |
|      | A. Memilih Iblub Dalam Perkahwinan                                       | 48  |
|      | B. Comburu Yang Tidak berlebihan   | 49  |
|      | C. Kewajipan Memelihara Keaslian Isteri                                  | 51  |
|      | D. Larangan Suami Meninggalkan Isteri                                    | 53  |
|      | E. Isteri Yang Tidak Memenuhi Kewajipan                                  | 54  |
|      | F. Larangan Pusing Sunat Terhadap Isteri                                 | 55  |
|      | G. Gauli Isteri Dengan Tulus   | 56  |
|      | H. Pantuan Keatas Siapai Yang Meskin                                     | 57  |
|      | I. Jangan Bersifat Kedekut   | 59  |
|      | J. Jangan Membenci Kelahiran Anak  | 61  |
|      | K. Waspada Terhadap Ipar Lelaki  | 63  |
|      | L. Waspada Wahai Isteri  | 64  |
|      | M. Menjauhi Hal Hal Yang Boleh Mengganggu                                | 64  |
|      | N. Wanpada Wahai Suami   | 67  |
|      | O . Pasangan Yang Tidak Di sukai.  | 69  |
| Bab  | III. Menghadapi Ketegangan Rumah tangga/Keluarga.                        |     |
|      | A. Perselisihan Suami Isteri   | 74  |
|      | B. Bila Terjadi Isteri Nusuz   | 75  |
|      | C. Bila Terjadi Suami Nusuz  | 85  |
| Bab  | IV . Permasalahan Fizikal Dan Pemecahannya                               |     |
|      | A. Kelemahan Sekuel Dan Pengubatannya                                    | 97  |
|      | B. Tidak Seimbang Sekuel /Ejakulasi Yang Cepat Dan Cara Menyembuhkannya. | 103 |
|      | C. Kedinginan Seks (Frigidity)   | 105 |
| Bab  | V . Jalan Terakhir.  |     |
|      | A. Bila Terlalu Benci  | 108 |
|      | B. Hukum Talak   | 109 |
|      | C. Syarat Syarat Talak   | 112 |
|      | D. Hak Isteri Yang Di Talak  | 115 |
|      | E. Talak Zaman Jahiliah  | 121 |
|      | F. Talak Menurut Ajaran Yahudū   | 122 |
|      | G. Talak Menurut Ajaran Masibli  | 123 |
| Bab. | VI Isteri Yang Sudah Tidak Mencintani Suaminya                           |     |
|      | A. Apabila Isteri Telah Membenci Suaminya                                | 125 |
|      | B . Kuasa Kuasa Khuluk   | 127 |
|      | C. Ketentuan Ketentuan dalam Khuluk                                      | 130 |

(2)

## Perbalahan Suami Isteri Dan Penyelsaianya.

### Pendahuluan.

Hikmat Perkahwinan.

Nikah merupakan satu abadat yang digalakkan oleh Islam, juga itu nikah mengandunggi beberapa hikmat. Oleh itu nikah merupakan asas pertama bagi pembentukan keluarga dan masyarakat Islam, maka tanpa adanya undang undang dan syariat Islam tentang nikah, manusia akan kucar kacir.

Diantara hikmat perkahwinan ialah:-

Pertama : Perkahwinan merupakan jalan untukk membiakan zuriat. Oleh yang demikian, Allah memperundangkan peraturan perkahwinan demi mengatur kehidupan serta menjalinkan tali persaudaraan berdasarkan kasih sayang saling cinta mencintasai diantara manusia, iaitu lelaki dan perempuan.

Allah S.W.T berferman:-

يَأَيُّهَا النِّسَاءُ أَتَقْرَبُوا رِبِّكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ  
وَخَلَقْتِنِيهَا زَوْجَهَا وَتَنْثَرْتِنِيهَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً \*  
(النساء: ١)

Wahai umat manusia , Takutlah kamu kepada Allah yang telah mencipta kamu dari diri (jenis) yang satu dan menjadikan isteri daripada danya, kemudian dari keduanya berkembang bisiklelaki dan perempuan yang ramai.

(Surah al Nisa:1).

Resulullah s.a.w bersabda:-

شَاكِحُوا تَنَاسُلُوا:

Berkahwinlah kamu dan beranak pinak.

Selanjutnya memang sudah menjadi tabiat semula jadi manusia ingin hidup bermasyarakat, mereka tidak mahu terus kesepian

(3)

tanpa ada seorang pun pendampingan. Sejak zaman Nabi Adam a.s. setelah Allah menjadikannya lalu menjadikan untuk seorang isteri, Siti Hawa, kerana Allah telah tidak mahu membiarkan Nabi Adam kesepian.

Walau pun manusia dijadikan oleh Allah untuk tinggal dimuka bumi ini sementara menunggu ajal dan maut yang ditentukan oleh Allah disamping rezekinya di alam maya ini, namun ia menginginkan kerurunan yang bakal menyambung hidup dan mengekalkan sebutan keluarga dengan cara membiakkan zuriat. Sebagai mana kata pepatah:-

Harimau mati meninggalkan belang

Manusia mati jasa dikenang.

Tentang zuriat Allah s.w.t. berferman :-

الْهَمَّٰلُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا .  
(الكهف: ٤٦)

Bahawa harta dan anak pinak adalah merupakan perhiasan hidup di dunia sahaja.

(Surah al Khafif:46).

Sementara dalam mencetuskan cinta dan kasih sayang telah dijelaskan oleh Allah s.w.t.

وَمِنْ عِيَّتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا  
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مُوَدَّةً وَرَحْمَةً \*  
(الروم: ٢١)

Dan diantara tanda kekuasaannya, Allah telah menjadikan untuk mu isteri isteri dari jenis kamu sendiri, supaya merasa cenderung, dan merasa tenteram kepadanya, dan dia jadikan diantara kamu rasa cinta dan kasih sayang.

(Surah al rum:21).

Selanjutnya untuk memperteguhkan antara suami isteri Allah s.w.t. berferman:- هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نُفُسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِتَسْكُنَ إِلَيْهَا  
(الأعراف: ١٨٩)

(4)

Dialah (Allah) yang telah menjadikan kamu dari yang satu dan menjadikan dari jenis itu (sebagai) isterinya supaya dapat merasa tenteram kepadanya.

(Surah al A'raf 189).

Apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. dalam matlamat perkahwinan ialah supaya suami yang membentuk rumah tangga dapat bertukar tukar fikiran, memadu kasih dan sayang menasihati, sehingga merika berdua diibaratkan pakaian bagi masing-masing di antara mereka.

Allah s.w.t. berferman :-

هُنَّ لِبَاسٌ لِكُمْ وَأَنْتُمْ بِلَبَاسٍ هُنْ (البقرة: 187)

Merika para isteri adalah merupakan pakaian bagi kamu (para suami) (sedang kamu pula merupakan pakaian bagi merika).

(Surah al Baqarah:187).

Kedua : Setiap insan pasti memerlukan ketenteraman jiwa dan cita rasa, tetapi ketenteraman tidak akan wujud kecuali setelah berumahtangga dan mempunyai keluarga yang sihat jasmani dan rohaniyyah disamping isteri yang menjadi suri rumah itu bertangungjawab memelihara anak-anak. Itulah sebanyak Allah mengatur perkahwinan melalui pernikahan sebagai salah satu daripada anugrah Allah dan nikmat yang besar kepada makhluknya.

Justeru itu, Allah milarang dengan keras perempuan berkahwin lebih dari saorang lelaki atau polygyny, kerana hendak meletakkan tangungjawab isteri untuk menjadi suri rumah disamping mengiraskan rasa cinta dan kasih sayang untuk suami yang tersayang. Maka apabila isteri meleyan suami dengan cara yang sebaik baiknya, maka suami akan berasa senang dan mencurahkan sepenuhnya cinta dan kasih sayang kepadan isterinya. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w.

خَيْرُ النِّسَاءِ امْرَأَةٌ إِنْ نَظَرْتَ إِلَيْهَا سَرَّتْكَ وَإِنْ أَمْرَتْهَا

أَطَاعْتْكَ وَإِنْ غَيْرَتْ عَنْهَا حَفِظْتْكَ فِي مَالِكَ وَنَفْسِهَا.

(Rواه أبو داود)

( 5 )

Sebaik baik perempuan ialah isterinya yang apabila kamu memandangnya ia menyukakan kamu, apabila kamu menyuruhnya ia taat kepadamu dan apabila kamu tiada dirumah (menjalankan tugas) ia memelihara hartamu dan dirinya.

(H.Riwayat Ahmad&Abu Daud)

Memandangkan betapa pentingnya ketaatan isteri terhadap suaminya, sehingga Nabi s.a.w.menyebutkan dalam satu hadis:-

**إِذَا دَعَا الرَّجُلُ زَوْجَتَهُ فَلْتَأْتِهِ وَإِنْ كَانَتْ عَلَى التَّنْورِ**

(أَخْرَجَ التَّرمِذِيُّ، النَّسَائِيُّ).

Apabila suami mengajak isterinya (untuk memenuhi) nafatnya, maka hendaklah dia mematuhiinya walaupun dia sedang berada diatas tungku (sedang masak).

(H.Riwayat Termizi & Nasai)

Hikmat perkahwinan ialah bertujuan membentuk keluarga melalui rumah tangga. Maka mengukuhkan tali ikatan suami isteri dalam rumah tangga, Allah mengurniakan bagi keduanya berupa kelahiran anak. Dengan demikian semakin tenteramlah jiwa dan perasaan didalam rumah tangga itu.

Perkahwinan boleh memberikan kepuasan jasmani dan rohani kepada tiap tiap insan, disamping untuk mencegah kerusakan akhlak pada masyarakat serta mengilakan daripada sebarang kekacuan yang timbul dari keturunan.

Allah s.w.t.berferman:-

**بَنِينَ وَحَدَّةَ وَرَزْقَكُمْ مِنْ أَطْيَابِتِ** \* (النحل: ٧٢)

Dan Allah telah menjadikan bagi kamu isteri isteri dari bangsa kamu sendiri dan dia menjadikan dari isterin isteri kamu wanak cucu bai kamu dan dia memberi kamu rezeki yang baik.

(Surah al-Nahl:27).

Kepuasan jasmani dan perkahwinan ialah membina kaseh sayang sebagai matlamat terciptanya ketenteraman dan kepuasan seks sebagai suami isteri. Oleh itu bagi teruna dan dara apabila sudah diijabkabulkan merika akan bertukar gelanggang memasuki dalam rumah tangga dan sekali gus merika akan bertukar giliran menjadi suami isteri.

(6)

Kepuasan rohani yang wujud dalam perkahwinan adalah merupakan satu ibadat, sehingga Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:-

صَلَاةُ الْمُتَرْوِجِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْعَزْبِ بِسَبْعِينَ دَرَجَةً.

Sembahyang orang yang sudah berkahwin adalah lebih afdal daripada sembahwang teruna atau dara melebihi tujuh puluh darjah (ganda).

Rasulullah s.a.w mengalakan umat Islam sama ada teruna maupun dara yang sudah berkelayakan supaya berkahwin, kerana ia termasuk sunah Rasulullah disamping memang sifat semulajadi untuk mengekal kan dan menyambung keturunan umat manusia sehingga ke hari qiamat.

Rasulullah s.a.w. bersabda:-

النِّكَاحُ سُنْتِي فَمَنْ رَغَبَ عَنْ سُنْتِي فَلَيْسَ مِنِّي.

Perkahwinan adalah termasuk sunahku (jalan hidupku), maka sesiapa yang tidak menyukai sunahku bermakna dia bukan termasuk gulungan-ku . Walaupun demikian, berkahwin bukanlah satu perkara yang mudah , kerana perkahwinan menuntut tanggungjawab dan belanja untuk menye ra dalam rumah tangga sepenuhnya.

يَا مَعْشَرَ الشُّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلِيَتَرْوِجْ فَإِنَّهُ أَغْضُبُ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْزَجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ  
فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ (رواہ الحماسی)

Wehai kaum pemuda ! Barang siapa diantara kamu berkemampuan hend aklah ia berkahwin, kerana ianya boleh menutup mata (dari pandangan liar) dan boleh mengawal kemaluan, Dan barang siapa yang tidak ber kemampuan hendaklah ia berpuasa, sebab puasa itu boleh melemahkan tekanan nafsu.

Seluruh umat sejak dari zaman Rasulullah sehingga sekarang ini telah bersepakat bahawa perkahwinan itu digalakan oleh Islam. Hanya padri padri Nasrani (keristian) untuk menghampirkan diri kepada Allah merika tidak berkahwin , kerana bahawa kahwin itu tidak murni.

( 7 )

Perkahwinan jika ditinjau dari segi saikolegi ianya boleh mena namkan tangungjawab yang tumbuh dari rasa cinta dan kasih sayang diantara suami isteri, disamping boleh mempuuk semangat perjuangan untuk keluarga dan masyarakat Islam amnya.

Bagi suami misalnya dia tidak lagi berasa kesepian atau kesorangan, sementara bagi isteri pula tidak berasa bimbang kerana sudah ada pendampingan hidupnya, orang yang sedia melindungi dan sekurang kurangnya turut menjamin masa depannya. Jiwa akan merasa tenteram, tidak merasa sayu apabila menghadapi malapetaka dan kesakitan. Lebih lebih lagi apabila sudah memperbolehi cahaya mata untuk memelihara anak-anak dari mengumpul belanja persekolahan mereka semakin yakin.

Hari akan berjalan begitu cepat, disebabkan oleh kesibukan menjaga dan mengasuh anak-anak. Masing-masing suami isteri yang kini bertukar menjadi ibu bapa terus bertikad ingin membesarakan anak-anak dengan cepat dan seterusnya ingin melihat hasil pengorbanan yang tulen dikurbankan selama ini. Dalam kontek berkorban untuk anak Islam menghargaai jasa baik ibu bapa.

Pernah ada seorang pemuda yang ingin mendapatkan kepastian diri Rasulullah, jika ia dipanggil serentak oleh kedua ibu bapanya, yang mana harus didulukan menjawabnya. Pemuda itu bertanya kepada Rasulullah " Wahai Rasulullah ! Jika ibu memanggil saya untuk berbuat sesuatu dan bapa juga begitu dalam masa yang sama, maka yang mana satu saya tunaikan dulu ? "

Jawab Rasulullah s.a.w. " Ibu " Pemuda itu bertanya lagi " Selepas itu lalu kemana ? Jawab Rasulullah s.a.w. Lalu pemuda itu mengulangi pertanyaannya lagi pada kali yang ketiga. Jawab Rasulullah " Ibu " Selepas itu siapa lagi ? Tanya pemuda itu . Baru Rasulullah menjawab " Bapa " .

(8)

Dalam riwayat lain,Rasulullah bersabda " Jika sekiranya tuhan memperboleh manusia bersujud sesama manusia,akan aku perintahkan perempuan bersujud kepada suaminya dan anak bersujud kepada ibunya."

Keluarga yang bahagia,jauh darinsengkita,sebab sebakik nya mendekatkan cinta dan kasih sayang akan membawa masyarakat Islam harmoni.

Rasul Rasul yang diutus oleh Allah untuk memimpin manusia dan membina budi pekerti yang mulia serta menghindarkan diri dari sebarang gejala buruk daripadanya bukan bermakna menentang tabiat semula jadi atau naluri manusia.Apabila masyarakat Islam menghayati nilai nilai yang dibawa oleh Rasulullah,salah satu daripadanya ialah berumah tangga barulah negara boleh jadi aman.

Boleh dikatakan,bahawa hikmat perkahwinan mengawal keluhuruan peribadi dan keselamatan keluarga itu sendiri.

Imam Ghazali telah berkata :-

"Berkahwin itu sebenarnya adalah jihad.sebagai latihan Jihad adalah mengawal dan mentadbir serta menuaikan keluarga (hak keluarga),bersahabat dengan telatah dan budi perkerti,perempuan memimpinnya kejalan agama,berjuang mencari rizki yang halal untuk merika serta berusaha mendidik anak anak.Maka semua tugas tersebut merupakan kerja dan tangungjawab yang amat berat.

(9)

Dan diantara tanda tanda kekuasaannya (Allah) ialah dia mencipta untuk isteri isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu cendrung dan merasa tenteram kepadanya, dan dia jadikan diantara kamu rasa kaseh sayang. Sesungguhnya pada yang demikian adalah benar benar terdapat tanda tanda (kekuasaan Allah) bagi kamu yang berfikir.

(Surah Al Rum:21).

Allah s.w.t. menenamkan rasa cinta kepada lawan jenis dalam diri setiap manusia, kaum perempuan tertarik kepada kaum lelaki dan kaum lelaki pula tertarik kepada kaum wanita. Sesungguhnya manusia (lelaki dan perempuan) adalah saling memerlukan untuk mendapatkan ketenangan dan kaseh sayang. Kedua duanya saling memerlukan untuk saling mencerahkan perasaan dan pemikiran serta bersama-sama merasakan pahit dan manisnya kehidupan dalam mengharungi suka dan duka sehingga dapat menyelsaikan segala kesulitan dan penderitaan yang dihadapi bersama.

Hubungan yang irat antara lelaki dan perempuan digambarkan dengan indah didalam sebuah firman Allah s.w.t. yang berbunyi :-

\* هُنَّ لِبَاسٍ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٍ هُنْ \*  
(البقرة: ١٨٧)

Merika perempuan adalah pakaian bagi kamu (lelaki) dan kamu (lelaki) adalah pakaian bagi merika (perempuan).

Apabila pakaian jadi penutup dan pelindung yang sentiasa meltek pada tubuh badannya, maka demikian juga halnya hubungan antara suami isteri, masing masing saling melindungi dan menyatu sehingga tidak dapat dipisahkan.

Menyatukan pasangan suami isteri bukan hanya sekadar hasil susah payah manusia, tetapi telah menjadi kudrat alam semesta sejak kalin pertama سُبْحَنَ اللَّهِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلُّهَا إِمَّا تُبْثَتُ الْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ \*

Allah s.w.t. berfirman:-

(يس: ٣٦)

Maha suci Tuhan yang telah menciptakan pasangan pasangan semua nya baik dari sesuatu yang ditumbuhkan oleh bumi dan diri diri merika maupun diri sesuatu yang tidak merika kehakui.

(Surah Yasin:36).

(10)

Dan lagi fermannya:-

\* وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
(الذاريات: ٤٩)

Dan segala sesuatu kami ciptakan berpasangan pasangan supaya kamu mengigati kebesaran Allah.

(Surah Zariyat: 49).

Kesua duanya ayat yang tersebut menjelaskan betapa eratnya perinsip hidup berpasangan dengan sistem Islam secara universel.

Islam memsdang hubungan suami isteri sangat penting, kerana dalam kehidupan suami isteri (keluarga) itulah awal masa intaksi seseorang sebelum dia mengenal masyarakat secara meluas, Keharmonian hubungan suami isteri merupakan faktor utama bagi keharmonian sebuah masyarakat. Jika kehidupan suami isteri baik maka baiklah masyarakat jika kehidupan suami isteri rosak, maka rosaklah masyarakat.

Melihat arti pentingnya hubungan suami isteri serta pengaruhnya dalam pembinaan masyarakat seutuhnya, maka Islam telah memberikan perhatian yang amat besar. Islam mengatur sistem kehidupan yang menjamin terciptanya kebahagian.

Ini merupakan satu upaya yang sederhana tentang petunjuk carav mengatasinya sesuai dengan pertunjuk al Quran dan Sunnah.

## BAB. 1

MENUJU RUMAH TANGGA ISLAM.

## A. Suami Cuntuh/Teladan.

Suami teladan adalah suami yang berkata benar dan jujur sejak awal perkenalannya, terutama ketika melakukan peminangan. tidak pernah menyembunyikan sesuatu rahsia sama ada dalam perkara yang disukai atau pun tidak:-

**إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمُ الْمَرْأَةَ وَهُوَ يَخْضُبُ السُّوَادَ فَلْيَعْلَمْهَا أَنَّهُ يَخْضُبُ.** (رواہ الدیلمی)  
Apabila seorang isteri kamu (lelaki) meminang perempuan, sedangkan dia mengikat rambutnya dengan warna hitam , maka hendaklah dia memberitahu calun isterinya,bahawa dia mengikat rambutnya.

(H.Riwayat al Dailami)  
dari Aishahh. r.s.

Seorang suami mestilah pandai mengambil hati isterinya, ber sikap lemah lembut,menghormati dirinya,keluarga serta semua yang dimilikinya.

Alāh s.w.t. berferman:-

**وَعَالِشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ... (النساء: ۱۹)**

Dan pergaulilah merika (isteri isterimu) dengan baik.

(Surah al Nisa':19).

Rasulullah s.a.w. bersabda:-

**خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي، مَا أَكْرَمَ النِّسَاءَ إِلَّا كَرِيمٌ وَلَا أَهْمَاهُنَّ إِلَّا لَتَيْمٌ.** (رواہ ابن عساکر)

Sebaik baik kamu adalah yang berbaik baik terhadap isterinya,aku adalah yang terbaik diantara kamu terhadap isteri.Tidaklah menghormati perempuan kecuali lelaki yang mulia dan tidak pula menghinakannya,kecuali lelaki yang hina.

(H.Riwayat Abnu Askari)  
dari Ali r.s.

Suami teladan ialah suami yang pandai menghibur menyenangkan hati isterinya . Hal yang tersebut boleh dilakukan dengan berbagai cara sesuai dengan keupayaan,sama ada berupa permainan,rekreasi maupun pesta dan sebagainya,asalkan tidak menyimpang dari tuntutan Islam.Dalam penjelasan selanjutnya saya akan mengungkapkan dalil dalil yang pernah dicantuhkan oleh Rasulullah s.a.w .Suami teladan ialah suami yang tidak berlebihan didalam cemburu ,tidak berperangngka yang berlebihan dan tidak memerhati secara gelap.Kerana hal seumpama ini boleh memutuskan ikatan kaseh dan mengeruhkan hubungan suami isteri.

(رواه ابو داود والنسائي وابن ماجة)  
Rasulullah s.a.w. bersabda:-

**إِنَّ مِنَ الْفِتْرَةِ غِيْرَةٌ يَبْغُضُهَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَهِيَ غِيْرَةُ الرَّجُلِ عَلَى أَهْلِهِ مِنْ غَيْرِ رِبْيَةٍ.**

Sesungguhnya kecemburuuan yang paling dibenci oleh Allah ialah kecemburuuan (suami) terhadap isterinya yang tidak bersalah.

(H.Riwayat Abu Daud,Nasaai)  
dan Ibnu Majah.

Sebaliknya seorang suami teladan tidak akan membiarkan berlakunya sebarang kecerobohan,kemunkaran atau pelampauan batas yang dilakukan oleh isterinya.Ada sebuah riwayat tentang Muaz r.a.yang melihat isterinya memberikan sebiji ipal yang telah ia gigit kepada hamba sahayanya lelaki.Muaz tidak membenarkan perbuatan istrianya itu,kerana dikuatirinya akan timbul rangsangan sekual pada hamba jika dia menghayalkan bekas gigitan pada epal itu. Maka kecemburuuan Muaz itu boleh dibenarkan bahkan satu keharusan.

**ثَلَاثٌ قَدْ حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ الْجَنَّةَ: مُذْمِنُ الْحَمْنَ وَالْعَاقِي لِوَالْدِينِ، وَالْدُّبُوتُ الَّذِي يَفِرُّ الْخَبْتَ فِي أَهْلِهِ.** (رواه النسائي والبزار وأحمد والحا

Tiga orang yang dilarang oleh Allah daripada masuk syurga,iaitu :penegah minuman keras,anak yang derhaka terhadap ibu bapa dan orang lelaki yang membiarkan isterinya melakukan perbuatan keji

(H.Riwayat Nasaai dan Al Bazar)  
dan Al Hakam dari Abdullah b.Umar r.a.

(13)

Suami teladan ialah suami yang berbicara dengan bahasa yang lemah lembut dan supan terhadap isterinya. perkataan yang baik akan boleh mempengaruhi jiwa untuk membuat kebaikan. suami teladan sentiasa mendengarkan kata kata dengan menghargai pendapat isterinya, serta melaksanakan apabila pendapat itu baik. Rasulullah telah memberikan cintuh ketika baginda meminta pendapat kepada Ummi Salmah pada hari Hudaibiah.

Suami teladan ialah suami yang memberi belanja secara wajar kepada isterinya dan tidak beres dan kedekut.

لِيُنْفِقْ ذَوْ سَعْةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقٌ فَلْيُنْفِقْ مِثْلًا  
إِنَّمَا لِلَّهِ الْأَكْلُ لَا يُكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا حَطَّتْ هَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ  
(الطلاق: ٧) \* بعد عشر يسراً

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah membebani nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah telah memikulkan beban terhadap sesorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan.

دِينَارٌ أَنْفَقْتُهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتُهُ فِي رَقْبَةِ وَدِينَارٌ  
تَصَدَّقْتُ بِهِ عَلَى مُسْكِنٍ وَدِينَارٌ أَنْفَقْتُهُ عَلَى أَهْلِكَ أَعْظَمْتُهَا  
Rasulullah bersabda:- أَجْرًا الَّذِي أَنْفَقْتُهُ عَلَى أَهْلِكَ.  
(رواه مسلم)

Satu dinar (Ringgit) yang engkau belanjakan dijalanan Allah, satu dinar yang engkau belanjakan membibaskan hamba, satu dinar yang engkau sedekahkan kepada orang meskin dan satu dinar yang engkau belanjakan untuk isterimu, maka yang paling besar pahalanya ialah yang engkau belanjakan untuk isterimu.

(H.Riwayat Muslim).

( 14 )

Sebagaimana suami suka memakai pakaian yang cantik, memakan makanan yang sedap dan meminum minuman yang segar maka dia pun harus memberi isterinya apa yang disukai. Tidak bagi suami yang mempunyai harga diri untuk menyenangkan dirinya dengan berbagai kenekmatan, sementara isterinya tidak diberi kesempatan. seorang lelaki pernah bertanya kepada Rasulullah tentang hak seorang istri terhadap suaminya. Rasinda menjawab:-

أَنْ تُطْعِمَهَا إِذَا طِعِمْتَ وَتَكْسُبُهَا إِذَا أَكْتَسَبَتْ وَلَا تُضْرِبُ  
الْوِجْهَ وَلَا تَقْبَحْ وَلَا تَهْجُزْ إِلَّا فِي الْبَيْتِ. (رواه ابو داود)

Engkau beri makanan apabila engkau makan, engkau beri pakaian apabila engkau berpakaian, jangan kamu memukul wajah, jangan kamu mencela dan jangan kamu mensiamkan kecuali didalam rumah.

(H.Riwayat t Abu Daud).

Rasulullah s.a.w.bersabda:- maksudnya ketahuilah , hak isteri isteri terhadap kamu (suami) ialah kamu beri dia pakaian dan makanan.

(H.Riwayat Tarmizi & Ibn.Majah)

Cukuplah dosa seorang jika dia mensiasiakan tanggungjawabnya.

(H.Riwayat Ebu Daud).

Apabila seorang lelaki memberi nafkah kepada isterinya hanya kerana mengharap pahla, maka itu adalah sedekah.

( H.Riwayat Bukhari)

Suami teladan ialah suami yang selalu gagah dan tanpa dihadapan isterinya. Isteri selalu melihatnya dalam kadaan kemas dengan bau yang wangi.

Rasulullah s.a.w.bersabda:-

Cucilah bajumu, potonglah rambutmu, bersugilah, berhias, dan mandilah, kerana Banib israel tidak pernah melakukan hal seperti itu, akhirnya isteri isteri merika berzina.

إِغْسِلُوا ثِيَابَكُمْ وَخُذُّوا مِنْ شُعُورِكُمْ وَاسْتَأْكُوا وَتَرْتِبُوا  
وَتَسْطِفُوا، فَإِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَمْ يَكُونُوا يَفْعَلُونَ ذَلِكَ فَرْتَنْتَ  
نِسَاؤُهُمْ.

(رواه الطبراني)

Dan sabda baginda lagi :-

مَنْ كَانَ لَهُ شَعْرٌ فَلْيُكْرِمْهُ . (رواه ابو داود)

Barangsialya yang mempunyi rambut hendaklah ia menghormatinya.

(H.Riwayat Abu Daud).

Kebersihan seorang lelaki / perempuan tidak terbatas hanya kepada luaran sahaja, tetapi juga meliputi anguta anguta bahagia an dalam .

عَشْرَةُ مِنَ الْفَطْرِ: قَصُّ الشَّارِبِ وَإِغْفَاءُ اللَّحْيَةِ وَالسَّوَاقِ  
وَاسْتِشَاقُ الْمَاءِ وَقَصُّ الْأَطْفَارِ وَغَسْلُ الْبَرَاجِمِ وَتَنْفُّذُ الْإِبْطِ  
وَحَلْقُ الْعَانَةِ وَاتْتَّقَاصُ الْمَاءِ . (رواه احمد ومسلم وابو داود والنمساني والترمذى وابن ماجة)

Sepuleh perkara termasuk fitrah ialah:Mengunting rambut dan misai dem menjaga jangut, bersugi, menghirup air dalam hidang, dan menge- rat kuku, membasuh ruas ruas jari, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu kemaluan dan beristinjek.

(H.Riwayat Ahmad,Muslim,Abu Daud,Nasaai Tirmizi)  
dan Ibnu Majah dari Aishah r.a.

Berkenaan pentingnya kebersihan suami dalam pandangan isteri , maka berikut ini kami ungkapkan sebuah riwayat sebagai berikut : Pada satu hari seorang lelaki membuat kasut dan isterinya meng hadap khalifah Omar b.Al Khatab.Isteri lelaki itu berkata: "Aku tidak lagi menyukai lagi orang lain, wahai Amrul Mukminin" Khalif ah Omar sekali gus dapat memahami ketidaksukaan perempuan tersebut . Kemudian menyuruh lelaki itu mandi, menyukur rambutnya dan memotong kuku . Setelah lelaki itu disuruh mematuhi isterinya yang tiada minta cerai . Isteri tersebut itu naik hairan apabila melihat perbuatan suaminya , akhirnya dia menarik balik dakwaan - nya (tidak jadi minta cerai) . Khalifah Omar berkata "Demi Allah, sesung guhnya merika para isteri suka apabila kami berhias untuk merika , sebagaimana kamu suka merika berhias untuk kamu .

Suami teladan ialah suami yang memelihara rahsia kehidupan rumah tangganya. Dia tidak menceritakannya sehingga didengari oleh orang lain.

إِنَّ مِنْ شَرِّ النَّاسِ مَنْزَلَةُ يَوْمِ الْقِيَامَةِ: الْرَّجُلُ يُفْضِي إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ امْرَأَتِهِ وَتَفْضِي إِلَيْهِ ثُمَّ يَنْشُرُ سِرَّهَا.  
(رواه مسلم)

Sesungguhnya orang yang mendapat kedudukan yang paling buruk di hari Qiamat kelak adalah lelaki yang melakukan hubungan seks dengan isterinya kemudian ia membocorkan rahsia.

(H.Riwayat Muslim)

Suami teladan ialah suami yang memelihara ciri ciri kejantinasannya sama ada secara fizikal maupun secara mental, sehingga tidak menjatuhkan kewibawaannya.

Rasulullah s.a.w. bersabda:-

لَعْنَ اللَّهِ الرَّجُلُ الَّذِي يَلْبِسُ لُبْسَ الْمَرْأَةِ.  
(رواه ابو داود والحاكم)

Allah melaknati lelaki yang memakai, meniru sifat semulajadi wanita, iaitu memakai baju perempuan.

(H.Riwayat Abu Daud & Al Hakam)

لَعْنَ اللَّهِ الْمُمْتَشِبِهِنَّ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ.  
(رواه أحمد والترمذى وابو داود وابن ماجة)

Allah melaknati lelaki yang meniru sifat semulajadi perempuan.

(H.Riwayat Tarmizi, Abu Daud  
dan Ibnu Majah.)

(رواه البخارى في الأدب والترمذى)

لَعْنَ اللَّهِ الْمُخْتَيِّنُونَ مِنَ الرِّجَالِ.

Allah melaknati lelaki yang berlagak pendan.

(H.Riwayat Bukhari & Tarmizi)

Kesimpulan dari semua hadis hadis tersebut ialah:-

وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ.  
Dan bergaulah merika dengan cara yang baik.

(al Nisa:19)

(النساء: 19)

B. Teladan Rasulullah Dalam Kehidupan Rumah Tangga.

Telah kita ketahui siapakah suami teladan menurut pandangan

Islam. Tetapi apakah Islam hanya mengajarkan secara terti sahaja? Pertanyaan ini telah dijawab melalui perilaku yang dicontohkan oleh Rasulullah dan kehidupan rumah tangganya.

Rasulullah Bermain Main bersama Isterinya.

Kewibawaan dan mertabat kenabian Rasulullah tidak menjadi penhalang dalam hubungan baginda dengan isteri isterinya . Bahkan baginda maseh sempat bermain main dan bergurau gurau senda dengan sikap yang lemah lembut,terutama dengan isteri isterinya.

Dikisahkan dalam sebuah hadis riwayat Aishah r.a.Rasulullah s.a.w.bersabda dan memanggil aku disaat yang orang Habsah bermain lembing di Mesjid pada hari raya.Baginda bersabda, wahai Humairah (Pangilan halus pada isteri isterinya yang bernama Aishah) ,mehukah kamu menyaksikan merika bermain ? .Saya menjawab ya"kemudian baginda menyuruh aku berdiri dibelakangnya dan baginda merendahkan bahunya supaya aku boleh melihat permainan orang orang Habsah itu.Rasulullah menyuruh orang orang Habsah itu terus bermain.Kemudian Rasulullah berkata " Wahai Aishah , akapakah kamu sudah puas ?. Saya menjawab belum" supaya aku dilihat berdiri disisi baginda.Sebenarnya aku tidak suka melihat permainan itu,tetapi aku ingin agar kaum wanita melihat sikap baginda terhadapku dan kedudukan disisi baginda.Hargailah perempuan yang maseh muda (sesuai dengan taraf umurnya) dan suka bermain.

(H.Riwayat Bukhari& Muslim)

Didalam sebuah riwayat lain,Aishah mengatakan"Bahawa saat saat ketika Rasulullah pulang dari perang Tabuk dan Hunnain , baginda melihat tirai tabir Aishah ditiup angin sehingga terlihat patung permainannya.Kemudian terjadilah dialok antara Rasulullah dengan Aishah sebagai berikut:-

Rasulullah : Apakah ini ya Rasulullah

Aishah : Anak patung.

Rasulullah memperhatikan diantara anak anak patung itu dimana terdapat sebuah anak patung kedua dengan dua sayapnya , baginda berkata : Apakah ini wahai Aishah?.

- Aishah Kudaku.
- Rasulullah Apa yang ada diatasnya ini ?.
- Aishah Dua sayapnya.
- Rasulullah Mengapa kuda mempunyai sayap ?.
- Aishah Bukanlah kuda Nabi Sulaiman mempunyai banyak sayap ?.

Akhirnya Rasulullah keyawa sehingga terlihat giginya yang putih.

(H.Riwayat Abud Daud).

Sebuah riwayat lagi ketika Rasulullah sedang dalam perjalanan bersama para sahabat dan Aishah . Aishah menceritakan kepada para sahabat " Kelian berjalan dahulu "dan baginda memanggil aku (Aishah) kemarilah, ingin aku mengajakmu berlumba lari "kami berlari mengejar para sahabat yang telah berjalan jauh dihadapan-ku .Dalam kesempatan ini ketika aku berjalan bersama baginda dan para sahabat ,baginda mengajak aku untuk berlumba.Saat itu tubuhku sudah gemuk.Aku berkata " Bagaimana aku harus lari,sedangkan tubuh sudah gemuk seperti ini ?. Baginda menjawab "Yang penting kita mesti berlumba" dan aku pun mengikuti kehendak Baginda.ternyata baginda yang menang .Baginda tertawa sambil berkata "inilah balasan kelakuanku dahulu" padahal aku sendiri sudah luput dengan perlumbaan kami ketika itu".

(H.Riwayat Ahmad,Abu Daud)  
dan Nasabat dari Aishah

Rasulullah Bergurau Dengan Isteri Isterinya.

.....

Berkata Aishah r.a."aku minum disaat aku sedang haid,kemudian aku memberikannya kepada Nabi,kemudian Baginda minum dengan meletakan mulutnya diatas mulutku,aku memakan daging disaat aku sedang haid,kemudian aku memberikannya kepada Baginda maka Baginda juga meletakan mulutnya bekas gigitanku ".

(H.Riwayat Muslim).

Dari Aishah r.a. telah berkata : ketika aku sedang junub , mandi bersama sama Rasulullah dari sebuah bajana.Tangan kami ber gantian menciduk air,kemudian mendului aku,hingga aku berkata bi ar aku dulu,biar aku dulu.

(H.Riwayat Muslim).

Adalah Rasulullah s.a.w.bergurau dengan Aishah,dengan menghalus-kan namanya,Baginda memanggilnya "Ya Uwaisiy"

(H.Riwayat Bukhari & Muslim)

Aishah ditanya ,,"Dengan nama Nabi memulakan apabila baginda mas uk tidur" Aishah menjawab dengan bersuggi "

(H.Riwayat Muslim).

Aishah berkata kepada kaum wanita " Suruhlah suami kamu sekalian agar membersihkan diri dengan air,kerana aku merasa malu hendak mengatakan secara langsung kepada merika,padahal itulah yang sering dilakukan oleh Rasulullah"

(H.Riwayat Nasai dan Tarmizi)

Ibnu Umar melakukan istinjak dengan menggunakan kayu yang di ulasi dengan wangi wengian .Dia (Ibnu Umar) berkata " Demekian lah cara Rasulullah melakukan istinjak.

(H.Riwayat Muslim).

Rasulullah mempunyai batang kayu yang digunakan sebagai bahan peweangi.

(H.Riwayat Abu Daud).

Rasulullah Membantu Isteri isterinya Dalam menyelsaikan kerja-kerja Rumah.

Berkata Aishah : Rasulullah selalu membantu isteri isterinya.Apbila masuk waktu sembahyang Baginda pergi ke Mesjid untuk menunaikan sembahyang.

(H.Riwayat Bukhari & Muslim).  
dan Tarmizi

Banyak pekerjaan rumah tangga yang Baginda buat, seperti membaiki selipar, memerah susu kambing, menyiapkan segala keperluan peribadi, mengasuh anak-anak dan sebagainya.

**Kesetiaan Rasulullah Kepada Isteri Isterinya.**

Barangkali teladan tersibar tentang kesetiaan Rasulullah kepada isteri isterinya terungkap dalam sebuah riwayat dari Aishah yang mengatakan : Tidaklah aku cemburu terhadap seorang wanita seperti cemburukan terhadap Khadijah, kerana Nabi sering menyebut nebutnya aku berkata "Apa yang engkau lakukan dengan wanita tua yang berpipi merah itu. Bukanlah Allah telah mengantikannya dengan isteri yang lebih baik? . Baginda menjawab " Demi Allah , tidaklah Allah mengentinya dengan isteri isteri yang lebih baik.Dia bermain kepadaku disaat semua orang kafir.Dia mempercayai aku disaat semua orang mendustakan aku dan dia menulung aku dengan hartanya disaat orang semuanya mengharamkan aku.Allah telah menganugrahinya aku anak darinya sedangkan aku tidak mendapatkan dari isteri-isteri yang lain.

(H.Riwayat Bukhari,Ahmad Tabrani yang)

disebut oleh Ibn.Hajar didalam Kitab nya Al Fath.

Setelah peristiwa ini berlaku,Aishah yang masih muda belia itu tidak berani menyebut nyebut nama Khadijah.

Kesetiannya Rasulullah kepada isteri isterinya patut dicuntuh oleh pasangan suami isteri dizeman sekarang ini,Baginda tetap menunjukkan kesetian kepada isteri yang telah meninggal dunia sehingga menimbulkan kecemburuan bagi isteri isterinya yang masih hidup dan masih dicintasinya.

( 21 )

Bagaimana pendapat para pembaca tentang kesetiaan yang luar biasa ini ?, sementara dunia dikelilingi kita penuh dengan cintuh cintuh penderhakaan dan penghianatan (1)

Kehajakan Rasulullah Terhadap Isteri Isterinya.  
.....

Jabir b.Abdullah berkata " Rasulullah mengizinkan Abu Bakar masuk ke rumahnya, sedangkan dia di depan pintu ramai orang yang duduk kerama tidak diperkenankan masuk. Kemudian datang juga Umar masuk. Umar mendapati Nabi sedang duduk dikelilingi oleh isteri - isterinya, kelihatannya Baginda dalam kadaan kurang sedap hati.Omar berkata "Saya akan berkata sesuatu yang telah membuat Nabi terawa "Rasulullah bersabda kalau melihat merika duduk mengelilingi aku untuk meminta belanja" Kemudian Abu Bakar menghampiri Aishah dan memegang lihirnya .Dan Umar pula turut bangkit menghampiri Hafsa lalu memegang lihirnya, kedua dua orang tersebut (Abu Bakar & Umar) berkata "Kamu sekalian meminta kepada Rasulullah sesuatu Yang tidak dimilikinya "Merika menjawab "Demi Allah ,kami tidak minta sesuatu yang tidak dimilikinya.

Sejak peristiwa itu Rasulullah mendiamkan merika selama satu bulan (bertepatan dengan bulan yang tidak genap, isitu 29 hari ) . kemudian turunlah ayat yang berbunyi:-

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ إِنْ كُنْتُمْ تُرِدُنَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا  
وَرِزْقَهَا فَتَعَالَيْنَ أَمْتَعْكُنَ وَأَسْرِخُكُنَ سَرَاحًا جَمِيلًا.  
(الأحزاب: ٢٨)

Hai Nabi katakanlah kepada isteri isteri kamu, jika kamu sekalian menginginkan kehidupan dunia dan perhiassannya, maka kemarilah

(1) Dr.Nadhmi Lukas,Muhammad dalam kehidupan peribadinya , muka surat 56.

(22)

Aku akan berikan mutaah (kemewahan dunia) dan aku akan ceraikan kamu sekelian dengan cara yang baik.

(Surah Al Ahzab :28).

وَإِنْ كُنْتَ تُرْدَنَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَاللَّادُرُ الْآخِرَةَ فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَ لِلْمُحْسِنِينَ مِنْكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا \*

(الأحزاب: ٢٩)

Dan jika kamu sekelian menghendaki keridzaan Allah dan Rasulnya serta kesenangan di negeri akhirat maka sesungguhnya Allah menyediakan pahla yang besar bagi sesiapa diantara kamu yang membuat baik pahla yang besar.

(Surah Al Ahzab :29).

Kemudian Rasulullah menemui Aishah dan bersabda " Wahai Aishah ! aku ingin mengajukan sesuatu (arahan) kepadamu dan aku harap engkau tidak terburu buru untuk menerima atau menulaknya sehingga engkau berbincang dengan kedua ibu bapamu" Aishah menjawab " Apakah yang tuan maksudkan wahai Rasulullah ? . Rasulullah membacakan ayat tersebut (Surah Al Ahzab 28-29) Aishah berkata"Apakah yang mesti saya berunding dengan kedua ibu bapaku mengenai diri tuan ,wahai Rasulullah ?. Saya telah memilih Allah dan Rasul-nya serta negeri akhirat .Saya mohon agar tuan tidak memberitahu ke pada isteri isteri tuan tentang apa yang saya katakan"Rasulullah menjawab "Tidakkah merika bertanyakan hal itu meleinkan aku memberitahukannya.Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan untuk bersikap keras atau mencari cari kesalahan merika ,tetapi Allah mengutuskan sebagai pengajar yang memberi kemudahan.

Betapa pentingnya kebijaksanaan seperti yang telah dicantuhkan oleh Rasulullah sehingga kehidupan rumah tangga kita dapat berjalan dengan baik aman, Sikap kasar terhadap perempuan boleh menimbulkan kesan buruk yang akhirnya akan membawa perpecahan di dalam kehidupan rumah tangga.

Kedilah Rasulullah terhadap Isteri Isterinya.

Rasulullah selalu menampakan senyuman dihadapan isteri-isterinya . Apabila Baginda bersama sama merika ,baginda adalah lelaki yang paling lembut dan banyak senyuman dan ketawa.Aishah meriwaiyatkan " Baginda mengunjungi kamui sama ada diwaktu pagi dan petang .Apabila Baginda hendak petgi ,Baginda mengundi diantara isteri isterinya untuk menentukan siapa yang bakal diajak ikut serta bersama.Bahkan Baginda maseh berada kepada Allah atas sebarang kemungkinan atau ketidakupayaan Baginda untuk berlaku adil diantara sesama isteri.Baginda berdeka:-

Ya Allah inilah pembahagian yang dapat aku lakukan,janganlah engku pesalahkan aku kiranya ada hal yang tidak dapat aku lakukan.

(Al Hadis).

Ketika baginda sedang sakit yang menyebabkan wafatnya Baginda maseh sempat mengunjungi isteri isterinya seperti biasa.Dan apabila sakitnya semakin tenat ,baginda memanggil isteri isterinya kerumah Maimunah. Baginda bertanya " Dimanakah aku bisuk"Akhirnya para isteri isteri Baginda bersepakat merawat Baginda di rumah Aishah.

Dengan penjelasan penjelasan yang tersebut ,jelas bagi kita bagaimana teladan Rasulullah dalam kehidupan rumah tangga . Dari pembahasan ini kita telah menemukan keserasian antara segi teori dan periktilkal dalam kehidupan rumah tangga menurut Islam.